

# Pemikiran Semula Pengurusan Pendidikan: Isu-isu Inovasi dan Futuristik



**MINDA PENDIDIK**

**MUHAMAD SUHAIMI TAAT**

Bersama,  
Mohd Yusof Abdullah, Baharom  
Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said  
Ambotang dan Shukri Zain

**PENDIDIKAN** bagi setiap individu adalah suatu proses berterusan yang sudah bermula seawal di dalam rahim ibu lagi dan akan berakhir apabila kita meninggal dunia. Pendidikan juga yang membezakan antara makhluk yang bernama insan manusia dengan makhluk lain seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan. Nilai atau harga diri seseorang juga kebiasaannya dilihat dan diukur berdasarkan latar belakang pendidikan yang dimiliki. Pendek kata, pendidikan adalah merupakan antara elemen terpenting dalam kehidupan manusia di dunia ini.

Justeru, penekanan seharusnya diberikan kepada proses pendidikan yang dijalankan khususnya di sekolah kerana sekolah merupakan institusi pendidikan formal di mana berlangsungnya proses-proses pendidikan seperti tarbiyah, taadib, ta'lim, tadrīs, dan tarsiyyid. Sememangnya proses pendidikan di sekolah khususnya berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah melibatkan secara khusus dan sepenuhnya penglibatan guru kelas dan guru mata pelajaran bagi memastikan pelajar mengalami satu proses pembelajaran yang selesa, menarik dan berkesan demi merealisasikan aspirasi yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Namun begitu, tidak dapat disangkal bahawa individu utama yang berupaya untuk mengurus dan memantau perjalanan bahtera pendidikan di sekolah adalah para pentadbir atau pengurus sekolah iaitu pengetua/guru besar di lapisan pertama, dan dibantu oleh lapisan kedua iaitu guru penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia yang masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sangat kritikal untuk dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, bukan hanya proses pengajaran dan pembelajaran sahaja, malah aspek pengurusan dan pentadbiran juga harus mengalami proses inovasi atau anjakan paradigma agar tidak menjadi stereotaip dan berada di takuk lama yang akhirnya menjadi jumud tanpa sebarang perubahan dan penambahbaikan.

Aspek utama yang perlu diberi penumpuan adalah bagaimana aspek pengurusan boleh ditambah baik tanpa perlu menunggu sebarang arahan atau pekeliling daripada pihak atasan. Pihak pengurusan yang inovatif serta kreatif akan sentiasa berfikir untuk mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta memberangsangkan bagi semua warga staf sekolah. Penilaian boleh dilaksanakan terhadap aspek-aspek pengurusan yang mungkin dirasakan sudah tidak relevan atau menjadikan proses birokrasi di sekolah lebih menyulitkan. Apa yang lebih penting adalah melaksanakan perkara-perkara utama yang telah dipersetujui secara konsensus dalam sesuatu mesyuarat berbanding hanya mengadakan banyak mesyuarat dan keputusan, tetapi akhirnya keputusan hanyalah di atas kertas sahaja tanpa sebarang tindakan.

Pendekatan pentadbir dalam pengurusan sekolah adalah tertakluk kepada kebijaksanaan masing-masing dan mungkin berubah mengikut masa, situasi dan staf yang berbeza. Sebagai contoh, sekiranya delegasi sesuatu tugas telah diberikan, maka pihak yang memberikan tugas tersebut seharusnya meletakkan sepenuh kepercayaan bahawa pihak yang menerima atau yang diberi tugas tersebut akan dapat dan berupaya untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Pengurus atau pihak yang memberikan tugas tersebut hanya bertindak sebagai pemantau dan pembimbing untuk memastikan segala proses pelaksanaan tugas tersebut berjalan dengan lancar sehingga berjaya. Dalam contoh ini juga konsep 'empowerment' yang harus dititikberatkan dan bukannya konsep 'overpower' agar subordinat

dapat melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diterima dengan penuh dedikasi dan berautonomi.

Aspek kedua adalah berkaitan dengan pengurusan, penyeliaan klinikal (clinical supervision), bimbingan serta pemantauan yang berterusan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru di dalam 'bilik darjah'. Para guru terutamanya 'guru novis' memerlukan bimbingan dan nasihat daripada 'guru pakar' atau 'otai' untuk menjadikan mereka lebih matang dalam bidang pendidikan ini. Tidak dinafikan bahawa rata-rata guru novis ini adalah mereka yang mempunyai latar belakang akademik yang agak baik atau cemerlang, namun mereka masih kekurangan pengalaman sebenar di alam sekolah dan pekerjaan. Segala teori, model, strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik khususnya dalam bidang pedagogi, psikologi dan sosiologi yang dipelajari semasa di institusi pendidikan akan lebih mudah untuk diadaptasikan, disebatkan, dan diamalkan sekiranya mendapat nasihat, panduan, dan bimbingan yang betul daripada guru-guru yang lebih berpengalaman.

Hakikatnya, sekiranya dapat disepadukan atau digembleng ilmu pengetahuan, kemahiran dan usaha daripada 'orang lama' dan 'orang baru', baharulah proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah dapat dipertingkatkan secara sepakat dan kolektif sehingga berupaya menjulang kecemerlangan. Percambahan idea antara dua kelompok tadi akan dapat mencetus inovasi dan aspek futuristik dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang merupakan 'core business' seorang pendidik di sekolah. Pada masa sekarang, bahkan sebenarnya sejak lebih sedekad dulu, beberapa aspek futuristik telah ditekankan seperti aspek Kajian Masa Hadapan (KMD) dalam penulisan rancangan pengajaran harian, dan juga aspek penggabungan dan penyerapan ilmu yang diharapkan dapat menyemai benih proaktif dan inovasi dalam pengajaran seseorang guru.

Aspek ketiga adalah berkaitan dengan sumber manusia iaitu warga sekolah itu sendiri yang terdiri pihak pentadbir, guru, staf sokongan, dan juga pelajar. Apabila memperkatakan berkaitan sumber manusia, konstruk utama yang harus difikirkan adalah aspek keselesaan dan keharmonian persekitaran sekolah yang akan menyumbang kepada keseronokan atau 'kenikmatan' bekerja bagi staf dan keseronokan dan 'kenikmatan' belajar bagi pelajar. Sekolah boleh diumpamakan seperti rumah kedua bagi semua warga sekolah. Jika selama ini kita mengambil pendekatan atau slogan "rumahku syurgaku", mengapa kita tidak boleh mengambil pendekatan yang serupa iaitu "sekolahku syurgaku". Semua yang beriman sudah tentu ingin masuk ke dalam syurga Allah SWT. Sekolah sebagai syurga bolehlah dijelaskan sebagai sebuah tempat di mana semua warganya berasa selesa, seronok, dan tidak berasa tertekan.

Banyak kajian yang dijalankan mengkaji tekanan atau stres para guru, tetapi tidak banyak kajian khususnya dalam negara yang mengkaji tekanan atau stres yang dihadapi oleh pelajar. Bagaimana pelajar dapat belajar dengan berkesan sekiranya mengalami stres sepanjang hari di sekolah. Lebih malang lagi apabila terdapat segelintir guru yang menghadapi tekanan, melepaskan stres tersebut ke atas pelajarannya. Natiujahnya, guru itu merasai satu kelegaan kerana 'berjaya' menyalurkan stres tersebut kepada pelajarannya, tetapi impak negatif yang diterima pelajarannya memberikan kesan langsung dan tidak langsung yang mungkin berpanjangan. Oleh itu, di samping aspek material atau pembangunan dan penyeliaan struktur fizikal sekolah, apa yang lebih utama adalah aspek 'rasa hati' atau roh yang berjaya diwujudkan agar persekitaran atau 'etos' sesebuah sekolah itu disuburkan dan seterusnya diperkasakan secara holistik.

\* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah